

Perniagaan diperkembang hasil program pengayaan

Bekas kakitangan awam rasa berbaloi sertai Program Perniagaan Mikro AMP untuk ceburi bidang buat dan jual kek yang diminati



PERNIAGAAN BERTAMBAH MAJU: Cik Noraini Md Nor kini mampu menguruskan perniagaan membuat dan menjual kek dengan lebih baik selepas mengikuti program AMP. - Foto JOHARI RAHMAT

16 Feb 2015

SITI AISYAH NORDIN

SETELAH bertugas selama 33 tahun sebagai kakitangan perkhidmatan awam di Penguasa Hasil Mahsul Singapura (Iras), Cik Noraini Md Nor memutuskan berhenti kerja Februari tahun lepas untuk mengejar minatnya dalam membuat dan menjual kek dan biskut.

Beliau memulakan perniagaan itu secara kecil-kecilan sebelum ini dan memutuskan mengembangkannya bagi menampung kehidupan keluarga.

Cik Noraini, 53 tahun, kemudian menyertai Program Perniagaan Mikro Angkatan Karyawan Islam (AMP) bagi mendalami alam bisnes.

Menurut beliau, latihan dan pengayaan dalam program itu telah membantunya menguruskan perniagaan dengan lebih baik.

"Sebelum ini, nak letak harga pada produk makanan yang dijual pun tak tahu, apa lagi strategi perniagaan dan sebagainya.

"Banyak yang saya pelajari setelah menghadiri program ini seperti cara-cara memajukan perniagaan dengan mengambil langkah-langkah tertentu," ujar Cik Noraini yang menjalankan perniagaannya dari rumah.

Menurut beliau, sebelum melibatkan diri dalam program itu, perniagaannya tiada fokus dan tidak terarah.

"Saya hanya buat apa yang ditempah sahaja. Jadi, perniagaan saya boleh dikatakan tidak mempunyai keistimewaan khusus dan tidak pernah dipromosikan.

"Program tersebut mengajar saya mengenal pasti kekuatan diri dan fokuskan perniagaan terhadap produk dan mempromosikannya melalui cara yang lebih baik," jelasnya.

Beliau memutuskan mempromosi tart nanas Taiwan hasil buataannya sendiri sebagai produk utama labelnya - Frost Bitez.

"Jika dahulu saya hanya jual pada kawan sekerja, teman rapat dan saudara-mara, sekarang saya sudah berani mencuba cara lain untuk mempromosikan produk.

"Sebagai contoh, saya akan sediakan contoh kuih yang akan dibawa ke majlis jemputan kahwin untuk dirasa. Dari situ saya boleh dapat ramai pelanggan," katanya.

Perniagaannya bertambah maju setelah mengambil langkah-langkah tersebut, kata Cik Noraini.

Program tersebut mengajar saya mengenal pasti kekuatan diri dan fokuskan perniagaan terhadap produk dan mempromosikannya melalui cara yang lebih baik. Jika dahulu saya hanya jual pada kawan sekerja, teman rapat dan saudara-mara, sekarang saya sudah berani mencuba cara lain untuk mempromosikan produk."

- Cik Noraini Md Nor, peserta Program Perniagaan Mikro AMP.

Bidang latihan Program Perniagaan Mikro AMP kini dipelbagaikan

16 Feb 2015

Berita Harian

DUA bidang latihan baru bakal diterapkan dalam Program Perniagaan Mikro Angkatan Karyawan Islam (AMP) tahun ini.

Selain pelbagai bidang latihan seperti memasak, menjahit dan menghasilkan produk, peserta juga boleh menambah kemahiran penyenggaraan paip dan alat penghawa dingin.

Program itu juga akan membimbing peserta dari segi latihan strategi dan perancangan bisnes melalui modul seperti belanjawan perniagaan, hubungan pelanggan dan pengurusan maklumat.

Diasaskan pada 2005, program itu bertujuan membantu individu daripada keluarga berpendapatan rendah memupuk semangat keusahawanan dan melengkapkan mereka dengan kemahiran dalam perdagangan, perniagaan dan teknologi maklumat (IT).

Tempoh latihan selama enam bulan ini akan bermula Februari dan berakhir dengan penyerahan perancangan bisnes oleh peserta bagi mendapatkan geran daripada AMP yang boleh digunakan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Ia kini dibuka kepada warga Melayu/Islam Singapura berusia 21 hingga 50 tahun, mempunyai gabungan pendapatan serumah bulanan tidak melebihi \$4,000 atau pendapatan per kapita \$800 ke bawah.

Untuk menyertai program ini peserta boleh dikenakan bayaran \$200 atau \$300 berdasarkan pendapatan per kapita mereka.

AMP bergabung dengan Pusat Syarikat Kecil dan Sederhana (SME) Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) pada 2010 bagi mempertingkatkan latihan kemahiran perniagaan dan IT peserta program itu.

Mereka yang berminat dan memenuhi kriteria boleh mendaftar sebelum 23 Februari di pejabat AMP di AMP @ Pasir Ris, 1 Pasir Ris Drive 4, tingkat lima, atau di AMP @ Jurong Point, 1 Jurong West Central 2, #06-02 di pusat beli-belah Jurong Point.